



23 APR, 2021

Pesawah hanya tumpu benih padi MR 297

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Isu kekurangan benih padi

Pesawah hanya tumpu benih padi MR 297

Jabatan Pertanian sudah lulus 9 lagi varieti tangani masalah kekurangan bekalan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Saadiah Ismail
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Masalah kekurangan bekalan benih padi khususnya di Kedah dan Perlis timbul kerana pesawah hanya menumpukan kepada benih padi sah daripada jenis MR 297.

Keadaan itu menjadikan bekalan benih MR 297 terputus dalam pasaran, tetapi pada masa sama Jabatan Pertanian sudah meluluskan sembilan lagi varieti benih padi lain iaitu MR 219, MR 220 CL2, UKMRC-2, UKMRC-8, MR 269, MR 303, MR 307, MRQ76 dan MR 263 yang setanding dengan MR 297.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Mohd Nasir Warris, berkata pihaknya mendapati pada musim ini, berlaku peningkatan

pada benih padi varieti MR 297 menyebabkan bekalannya tidak mencukupi.

"Oleh itu, diharapkan pesawah dapat memilih dan bersedia untuk menanam varieti lain selain MR 297, yang mampu memberi hasil yang tinggi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, secara keseluruhan, sejumlah 26,353 tan benih padi sah sudah disediakan sejak Isnin lalu, bagi kegunaan pesawah di seluruh negara sehingga hujung bulan ini.

Katanya, kuantiti itu adalah mencukupi bagi keperluan pesawah termasuk pesawah di Kedah dan Perlis.

"Ketika ini, pegawai jabatan sedang melakukan proses pengesahan benih padi dan jumlah keseluruhan benih yang dijangka diguna bagi musim tanaman 1/2021 adalah melebihi 36,000 tan.

"Jumlah ini adalah melebihi daripada keperluan pada musim sekarang. Oleh yang demikian, pesawah dinasihat agar tidak risau tentang kecukupan bekalan benih padi," katanya.

BH semalam melaporkan lebih 30,000 pesawah di empat kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berhadapan masalah tidak dapat memulakan proses menanam padi mulai 1 April lalu berikutnya belum menerima benih padi sah sehingga kini.

Mohd Nasir juga menasihatkan pesawah agar tidak membeli benih padi yang tidak mendapat pengesahan daripada Jabatan Pertanian atau dikenali sebagai 'beg putih'.

Katanya, penggunaan benih padi 'beg putih' dikuatir boleh menyebabkan berlakunya isu berkaitan masalah padi angin, penyakit dan perosak yang boleh

menjejaskan kualiti serta industri padi negara.

Sementara itu, Pertubuhan Pedadang Kebangsaan (NAFAS) dalam satu kenyataan berkata, kekurangan stok benih padi jenis MR 297 di pasaran menjadi antara faktor agihan masih tidak diperoleh petani di sesetengah kawasan. Ia mengambil sedikit masa disediakan kepada petani.

Katanya, berdasarkan rekod terkini, sebanyak 595,035 beg pesanan benih padi MR 297 sudah diterima dan daripada jumlah itu sebanyak 321,689 beg dibekalkan oleh NAFAS.


"NAFAS memandang serius kelewatan pembekalan benih padi ini, jadi pelbagai alternatif boleh difikirkan antaranya cadangan menggunakan benih padi MR 219 dan lain-lain sekiranya jenis MR 297 habis di pasaran.

"Untuk makluman, NAFAS sudah berbincang dengan kesemua syarikat pengeluar yang dilantik untuk memastikan benih yang dibekalkan adalah terjamin dan berkualiti dan mendapat kelulusan Jabatan Pertanian.

"Petani juga mempunyai hak untuk memulangkan semula benih padi yang diragui kualitinya dan menjadi tanggungjawab pengeluar untuk menggantikan dengan benih baharu," kata-

“Oleh itu, diharapkan pesawah dapat memilih dan bersedia untuk menanam varieti lain selain MR 297, yang mampu memberi hasil yang tinggi”

Mohd Nasir Warris,
Ketua Pengarah Pertanian





23 APR, 2021

Pesawah hanya tumpu benih padi MR 297

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Jabatan Pertanian sudah lulus 9 lagi varieti tangani masalah kekurangan bekalan

bhnews@bh.com.my Alor Setar: Masalah kekurangan bekalan benih padi khususnya di Kedah dan Perlis timbul kerana pesawah hanya menumpukan kepada benih padi sah daripada jenis MR 297.